

**Kes Penyalahgunaan BB1M Serius - MBIC
Bernama
12 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Majlis Industri Buku Malaysia (MBIC) hari ini mendakwa penyalahgunaan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) semakin serius apabila pempamer yang menyertai pelbagai pameran secara terang-terangan memaparkan penerimaan baucar itu bagi barangan bukan akademik.

Pengerusinya Ishak Hamzah berkata berikutan masalah tersebut, timbul pelbagai tanggapan daripada masyarakat bahawa baucar berkenaan boleh ditukar dengan barangan lain.

"Keadaan ini menjadi kerisauan apabila ada yang anggap seolah-olah baucar ini bukan BB1M, tapi baucar apa-apa saja dan sebahagian besar ditebus bukannya buku, tapi barang selain buku seperti tudung, pakaian dan cermin mata.

"Seminggu selepas pemberian baucar ini iaitu 28 Feb lepas, salah guna telah dapat dikesan di tapak-tapak pameran yang berlangsung di institut pengajian tinggi awam dan institut pengajian tinggi swasta secara terang-terangan...dan ini amat mendukacitakan," katanya kepada pemberita dalam sidang media di sini Rabu.

Apa yang lebih membimbangkan, katanya apabila penganjur pameran termasuk IPT sendiri mengizinkan hal ini berlaku dalam premis mereka walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia melarang tindakan itu.

Penyalahgunaan baucar ini, jelasnya telah menyebabkan berlakunya ketirisan dalam pembangunan ekonomi industri buku di Malaysia

Sehubungan itu, Ishak menyeru semua kepimpinan IPT mengambil langkah proaktif dan bersikap lebih bertanggungjawab menghalang salah guna BB1M di kawasan premis masing-masing, kerana ia merupakan kesalahan jenayah.

Beliau turut menyarankan penerima BB1M supaya menghargai pemberian kerajaan ini dengan memanfaatkannya untuk membeli buku dan bahan pembelajaran.

"Sikap prihatin terutamanya dalam kalangan pelajar untuk membuat laporan salah guna BB1M kepada pihak berwajib khususnya Kementerian Pendidikan amatlah digalakkan," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Penjual Buku Malaysia, Keith Thong menyarankan BB1M dimanfaatkan sepenuhnya dan menganggap tindakan sesetengah pihak menyediakan kaunter tunai untuk tebus wang BB1M amat tidak membantu dalam pembangunan industri buku negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1021426>